

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L  
ARULANANDRAM [ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 9**

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan analisis impak terhadap pelaksanaan peralihan teknologi 5G pada keseluruhannya. Ini termasuk kos pada pengguna, impak terhadap kesihatan dan sosial, emosi dari segi penerimaan peralihan teknologi 5G dalam kehidupan harian dan pendidikan serta kawalan yang disyorkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjalanan teknologi 5G di Malaysia bermula apabila Malaysia telah berjaya mendemonstrasikan 71 kes kegunaan 5G melalui Projek Demonstrasi 5G Malaysia (5GDP) yang telah dijalankan pada Oktober 2019 sehingga penghujung 2020 yang lalu di 50 tapak (*live site*) merentasi tujuh (7) buah negeri iaitu Kedah, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Teknologi 5G disasarkan untuk memberi impak positif kepada kategori industri yang berkenaan dan pelbagai aspek kehidupan termasuk sektor kehidupan sosial seperti kesihatan dan pendidikan. Sehubungan dengan itu, projek demonstrasi ini telah memberi tumpuan kepada sembilan (9) sektor industri iaitu bandar pintar, hiburan/media, minyak dan gas, pelancongan, pembuatan dan pemprosesan, pendidikan, pengangkutan pintar, penjagaan kesihatan digital dan pertanian melalui sokongan dan komitmen daripada penggiat industri telekomunikasi dan multimedia dengan sumbangan pelaburan bernilai RM131 juta.
3. Projek Demonstrasi 5G ini adalah bagi membolehkan rangkaian dan perkhidmatan 5G yang menyeluruh dan berimpak tinggi dapat dirancang. Ini juga selaras dengan kebolehpayaan teknologi 5G yang lebih tertumpu kepada pengguna sektor perusahaan dan industri, berbanding pengguna biasa.
4. Pengoperasian DNB selaku pengendali perkhidmatan borong tunggal 5G dikawal selia ketat oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Antara lain, pihak SKMM mengenakan syarat yang melarang DNB daripada terlibat dalam aktiviti runcit. Bagi memastikan kos perkhidmatan borong yang ditawarkan oleh DNB berada pada tahap yang munasabah, SKMM telah turut menetapkan beberapa syarat dalam lesen berhubung tanggungjawab DNB berkaitan kos capaian.

## SOALAN NO : 9

5. Selain itu, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 turut memberi kuasa kepada SKMM untuk menetapkan harga borong secara mandatori melalui *Mandatory Standard on Access Pricing*, sekiranya campur tangan SKMM melalui pendekatan ini diperlukan bagi memastikan harga perkhidmatan yang berpatutan dapat diberikan kepada pengguna untuk perkhidmatan 5G kelak.